

15 AUG 2003

MAHATHIR-SUDAN/I

SUDAN BERI KONSESI MINYAK TAMBAHAN, PROJEK EMPANGAN KEPADA M'SIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EUZULWINI, (Swaziland) 15 Ogos (Bernama) -- Hubungan ekonomi antara Sudan dan Malaysia akan menjadi lebih penting dan bermakna pada masa akan datang kerana negara Afrika itu telah memberikan konsesi minyak tambahan di Blok 8 di kawasan Nil Biru kepada Petronas.

Kawasan konsesi ini terletak di bahagian selatan Sudan.

Ketika mengumumkan perkara itu di sini, Khamis, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, republik Afrika itu telah memberikan kontrak yang berbilion ringgit nilainya kepada sebuah konsortium yang disertai oleh kepentingan Malaysia untuk memajukan Empangan Merowe yang terletak 400 km ke utara Khartoum.

Dr Mahathir memberitahu ini kepada pemberita selepas pertemuan dua hala dengan Presiden Sudan, Lt Gen Omar Hassan Ahmad Al-Bashir, di luar Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2003,

Bagaimanapun, tiada butiran lanjut diperolehi mengenai kedua-dua projek itu.

Menurut laman web industri minyak Sudan, kerajaan Sudan berkata, pemberian konsesi baru itu adalah sebahagian daripada langkah untuk menambah rizab yang kemudiannya boleh digunakan bagi menampung keperluan prasarana negara itu.

Di samping itu, projek empangan itu akan mempertingkatkan keperluan tenaganya.

Dr Mahathir berkata, kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan sidang kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung di Putrajaya Oktober ini.

Katanya, mereka juga bersetuju tentang pentingnya negara-negara anggota OIC memperkukuhkan kerjasama sesama sendiri. -- BERNAMA

MR SHY KY AHM